

Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam
The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence

Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan[✉] & Wafaa' Yusof

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan isu jenayah merempit yang semakin membimbangkan masyarakat di Malaysia kerana bukan sahaja membahayakan nyawa pelaku, malah turut mengancam keselamatan pengguna jalan raya. Statistik menunjukkan peningkatan kemalangan dan kematian yang melibatkan penunggang motosikal, dan sebahagian daripadanya dikaitkan dengan perlakuan berisiko seperti merempit, tindakan melulu, pengaruh rakan sebaya serta kelompangan dalam peruntukan undang-undang. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang mendorong peningkatan kes merempit, menganalisis peruntukan perundangan sivil dan hukum Islam yang berkaitan, serta menilai impaknya terhadap pelaku dan mangsa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan, dengan data dianalisis secara deskriptif dan tematik berdasarkan akta, fatwa negeri, jurnal akademik, serta laporan media. Hasil kajian menunjukkan bahawa peningkatan kes merempit dipengaruhi faktor sosial dan kelemahan penguatkuasaan. Hukuman sivil di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 didapati masih kurang berkesan, manakala dari perspektif Islam, perbuatan merempit dikategorikan sebagai kesalahan *Ta'zir* kerana tiada hukuman khusus ditetapkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, ia membawa kemudaratan kepada diri dan orang lain, mengganggu ketenteraman awam, serta bertentangan dengan *Maqasid Shari'ah* khususnya pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*). Implikasi kajian menegaskan keperluan kerjasama antara pihak berkuasa, pembuat dasar dan masyarakat dalam memperkukuh mekanisme pencegahan jenayah merempit, di samping memperkasa pendidikan moral dan agama sebagai strategi berterusan, selaras dengan Agenda 2030 Pembangunan Mampan khususnya SDG 3 dan SDG 16.

KATA KUNCI

Jenayah merempit, perundangan sivil, Maqasid Shari'ah

Article History

Received: Sept 25, 2025

Revised: Oct 11, 2025

Accepted: Dec 2, 2025

Published: Dec 15, 2025

✉ Contact

Wan Nur Adlin Sofiya Wan
Muhammad Azan
(Corresponding Author)
P146549@siswa.ukm.edu.my

Citation

Nama Pengarang
Pertama/Koresponden, Nama
Pengarang Pertama & Nama
Pengarang Pertama. 2024. Tajuk
Panjang Ditulis di Sini. *Journal
of Contemporary Islamic Law*.
10(2): 47-61.

ABSTRACT

This study discusses the increasingly alarming issue of illegal street racing in Malaysia, which not only endangers the lives of perpetrators but also threatens the safety of other road users. Statistics show an increase in accidents and deaths involving motorcyclists, some of which are associated with risky behaviours such as street racing, reckless actions, peer influence, and gaps in legal provisions. The objectives of this study are to identify the factors driving the increase in illegal street racing cases, to analyze the relevant civil and Islamic legal provisions, and to evaluate its impact on both perpetrators and victims. This study uses a qualitative approach through library research, with data analysed descriptively and thematically based on legal acts, state fatwas, academic journals, and media reports. The findings of the study indicate that the increase in illegal street racing cases is influenced by social factors and weaknesses in law enforcement. Existing civil penalties under the Road Transport Act 1987 are still found to be less effective, while from an Islamic perspective, street racing is categorized as a Ta'zir offence, because there is no specific punishment stipulated in the Quran and Sunnah. Nevertheless, it causes harm to oneself and others, disrupts public order, and contradicts the Maqasid Shari'ah, particularly the preservation of life (hifz al-nafs). The implications of the study emphasize the need for collaboration among authorities,

Copyright

© 2025 by the author(s)



This work is licensed under a
Creative Commons Attribution-
Non-Commercial 4.0
International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

policymakers, and the community to strengthen crime prevention mechanisms, while empowering moral and religious education as a continuous strategy, in line with the 2030 Agenda for Sustainable Development, specifically SDGs 3 and 16.

KEYWORDS

Illegal street racing, civil law, Maqasid Shari'ah

PENGENALAN

Aktiviti merempit merujuk kepada perlumbaan motosikal secara haram di jalan raya yang sering kali menyebabkan kemalangan dan kehilangan nyawa. Menurut Rozmi dan Boekhtiar (2015), lumba haram ini sering dikaitkan dengan gaya hidup bebas serta ketagihan terhadap kelajuan. Ia bukan sahaja mengundang risiko kecederaan serius, tetapi juga boleh menyebabkan kematian dalam kalangan pelaku dan pengguna jalan raya lain. Keadaan ini menjadikan fenomena merempit sebagai masalah sosial yang memerlukan perhatian serius dari pelbagai aspek, termasuk perundangan sivil dan hukum Islam.

Statistik menunjukkan peningkatan kes kemalangan dan kematian yang melibatkan penunggang motosikal, sebahagian daripadanya dikaitkan dengan perlakuan berisiko seperti merempit, tindakan melulu, dan pelanggaran peraturan lalu lintas. Sebagai contoh, pada tahun 2023, sebanyak 6,080 kematian akibat kemalangan jalan raya dicatatkan di seluruh negara, dengan kira-kira 68 hingga 70 peratus membabitkan penunggang motosikal (Bernama, 2024a). Selain itu, operasi penguatkuasaan seperti 'Ops Samseng Jalanan' turut membuktikan bahawa remaja dan belia masih aktif terlibat dalam aktiviti merempit. Dalam satu operasi di Lebuhraya Guthrie, seramai 15 individu berusia antara 17 hingga 26 tahun ditahan kerana menyertai perlumbaan haram dan aksi berbahaya (Muhammad Afham Ramli, 2024).

Lebih membimbangkan, aktiviti merempit sering menjadi pintu masuk kepada jenayah lain seperti kecurian motosikal, penyalahgunaan dadah, dan perjudian. Kajian oleh Mohd Mursyid Arshad et al. (2010) menunjukkan bahawa sebahagian besar individu yang terlibat dalam merempit turut terlibat dalam jenayah lain, yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah dalam masyarakat. Kenyataan Ketua Polis Negara dan laporan media tempatan turut mengesahkan peningkatan kes jenayah melibatkan remaja dan belia yang aktif dalam aktiviti merempit.

Menurut perundangan sivil, aktiviti merempit melanggar beberapa peruntukan undang-undang seperti Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) yang memperuntukkan hukuman berat termasuk denda, penjara, dan penggantungan lesen memandu. Walau bagaimanapun, peningkatan kes saban tahun

membuktikan hukuman ini masih belum mencukupi. Dalam perspektif Islam, perbuatan membahayakan diri sendiri dan orang lain adalah dilarang sama sekali sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تُقَاتِلُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya: Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan. (Surah al-Baqarah, 2:195)

Ayat ini menegaskan bahawa Islam menolak sebarang bentuk aktiviti yang membahayakan diri dan orang lain, termasuk perlakuan merempit yang jelas bercanggah dengan prinsip maqasid syariah.

Walaupun banyak kajian meneliti budaya merempit dari sudut sosial dan kriminologi, namun kajian yang membuat perbandingan analisis perundangan sivil dan hukum Islam masih kurang dijalankan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis peruntukan undang-undang dan hukum Islam berkaitan aktiviti merempit, menilai keberkesanannya serta mengenal pasti kesan sosial terhadap pelaku dan masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai pendekatan undang-undang dan syariah dalam menangani isu merempit.

TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan literatur ini menganalisis kajian lepas berkenaan jenayah merempit dari perspektif perundangan sivil dan hukum Islam. Perbincangan merangkumi definisi dan sejarah merempit, peningkatan statistik kemalangan, faktor-faktor penyumbang, analisis peruntukan undang-undang sedia ada, serta perspektif Islam berasaskan *Maqasid Shari'ah*. Impak aktiviti terhadap pelaku, mangsa, masyarakat, dan peranan pihak berkuasa turut dibincangkan. Kesimpulan sorotan akan merumuskan dapatan utama dan mengenal pasti jurang pengetahuan untuk justifikasi kajian ini.

1. Definisi dan Sejarah Merempit

Merempit merujuk kepada aktiviti menunggang motosikal secara berbahaya, yang sering kali melibatkan perlumbaan haram, pencemaran bunyi,

serta pelanggaran undang-undang jalan raya. Istilah ini dipercayai berasal daripada frasa Inggeris *ramp it*, yang bermaksud meningkatkan atau mempercepatkan sesuatu, dan sering digunakan dalam konteks kenderaan bermotor (Rozmi Ismail, 2008).

Menurut Wikipedia Bahasa Melayu, mat rempit merujuk kepada penunggang motosikal yang terlibat dalam perlumbaan haram. Namun, Ketua Trafik Kuala Lumpur, ASP Hamza Taib berpandangan bahawa istilah ini memberi satu bentuk pengiktirafan yang tidak wajar. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa golongan ini sepatutnya dilabel sebagai pelumba haram secara muktamad (Mohd Afif Yahya, 2011).

Aktiviti merempit biasanya melibatkan sekumpulan penunggang yang menunggang motosikal dengan kelajuan tinggi, sering kali melebihi had laju yang dibenarkan, serta melakukan aksi berbahaya seperti melompat dan memotong jalan secara agresif. Selain sekadar berlumba sesama sendiri, perbuatan ini turut membahayakan keselamatan pengguna jalan raya lain (Bernama, 2024b). Menurut perundangan sivil, merempit dikategorikan sebagai satu kesalahan jenayah kerana ia melanggar undang-undang lalu lintas yang telah ditetapkan.

Fenomena merempit mula mendapat perhatian di Malaysia sekitar tahun 1990-an apabila aktiviti berlumba haram dalam kalangan golongan muda semakin berleluasa (Rozmi Ismail, 2008). Faktor seperti akses mudah kepada motosikal berkuasa tinggi dan kos pemilikan yang rendah telah menyumbang kepada peningkatan jumlah remaja yang terlibat dalam aktiviti ini (Mohamad Fikrie & Nur Hafizah, 2019).

Selain itu, budaya merempit juga berkembang sebagai satu bentuk hiburan dan pelarian bagi remaja yang mungkin kurang mendapat perhatian atau peluang dalam masyarakat. Bagi mereka, aktiviti ini menjadi medium untuk menunjukkan kehebatan, mendapatkan perhatian, dan meraih pengiktirafan daripada rakan sebaya (Mohd Suhaimi Mohamad et al., 2020). Namun, di sebalik popularitinya, merempit membawa pelbagai kesan negatif, termasuk peningkatan kadar kemalangan jalan raya yang mengakibatkan kecederaan serius serta kehilangan nyawa.

2. Peningkatan Statistik Kemalangan Akibat Aktiviti Merempit

Fenomena merempit di Malaysia semakin membimbangkan, dengan statistik menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah kemalangan maut yang melibatkan penunggang motosikal. Menurut data yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, sebanyak 14,985 kes kemalangan maut telah direkodkan, di mana penunggang motosikal menyumbang hampir dua pertiga daripada jumlah tersebut (Nurayuni Johari, 2023). Angka ini menunjukkan bahawa aktiviti merempit memberi

sumbangan yang signifikan terhadap statistik kemalangan maut di negara ini.

Beberapa kes kemalangan yang dikaitkan dengan aktiviti merempit telah menarik perhatian masyarakat. Antaranya ialah insiden pada Julai 2023, di mana seorang remaja berusia 19 tahun maut, manakala lima lagi cedera parah dalam kemalangan yang membabitkan 10 motosikal di Kilometer 26.9 Lebuhraya Kajang-Seremban (LEKAS). Insiden ini dipercayai berpunca daripada aktiviti merempit (Anon, 2023).

Selain itu, pada Ogos 2021, dua anggota polis maut dalam insiden tragis semasa menjalankan Operasi Samseng Jalan di Kilometer 24.4 Lebuhraya Sistem Lingkaran Kajang (SILK). Kemalangan berlaku apabila motosikal kedua-dua anggota tersebut bertembung semasa mengejar sekumpulan pelumba haram (Nor Azizah Mokhtar, 2021). Kejadian ini bukan sahaja membuktikan risiko tinggi yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam usaha membanteras lumba haram, tetapi juga menekankan ancaman serius aktiviti ini terhadap keselamatan awam.

Laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) bagi tahun 2022 turut mencatatkan lebih daripada 3,500 kes kemalangan berkaitan aktiviti merempit, dengan 700 kes kematian dan lebih daripada 2,000 kecederaan serius (MIROS, 2022). Peningkatan kes ini jelas membuktikan bahawa aktiviti merempit bukan sahaja berbahaya kepada pelakunya, tetapi turut mengancam keselamatan pengguna jalan raya lain. Oleh itu, penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat serta langkah pencegahan yang berkesan perlu diambil bagi membendung fenomena ini sebelum ia terus meragut lebih banyak nyawa.

3. Faktor-Faktor Peningkatan Kes Merempit

Aktiviti lumba motosikal haram atau merempit menunjukkan trend peningkatan saban tahun, sekali gus menimbulkan kebimbangan masyarakat dan pihak berkuasa. Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk membendung aktiviti ini, masih terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kes merempit dalam kalangan remaja dan golongan muda. Antara faktor yang dikenal pasti termasuk kekaburan dalam undang-undang berkaitan perlakuan merempit, sikap pelaku yang tidak mempedulikan impak daripada perbuatan mereka, pengaruh rakan sebaya, serta aspek ekonomi dan sosial.

(a) Ketidakjelasan Undang-Undang Berkaitan Perlakuan Merempit

Salah satu faktor utama yang menyebabkan aktiviti merempit terus berleluasa adalah kelemahan dalam perundangan sedia ada. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 42(1)

Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang memperuntukkan hukuman terhadap pemanduan berbahaya di jalan raya, peruntukan ini tidak secara khusus merangkumi perlumbaan haram dan aksi berbahaya yang dilakukan oleh mat rempit (Shamsuddin Suhor, 2016).

Tambahan pula, peruntukan lain seperti Seksyen 81 APJ 1987 iaitu larangan menyertai pertandingan atau ujian kelajuan yang tidak diluluskan, hanya mengenakan hukuman denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara sehingga enam bulan bagi kesalahan pertama, iaitu kadar hukuman yang dianggap rendah dan tidak sepadan dengan risiko serta kemudaratan yang ditimbulkan oleh aktiviti merempit.

Ketidakjelasan ini menyebabkan implikasi serius dari aspek penguatkuasaan undang-undang. Apabila pesalah tidak tertangkap secara langsung semasa melakukan kesalahan, pihak berkuasa menghadapi kesukaran teknikal dari segi pembuktian. Ketiadaan saksi dan bukti fizikal yang mencukupi menyukarkan proses pendakwaan, sekali gus mewujudkan persepsi dalam kalangan mat rempit bahawa mereka boleh terlepas daripada tindakan undang-undang.

Sebaliknya, apabila pesalah berjaya ditahan dan disabitkan kesalahan, hukuman yang dikenakan masih dianggap tidak setimpal dan kurang memberi kesan pencegahan (Aqilah Junaidi & Siti Aisyah Samudin, 2022). Denda yang dikenakan tidak melebihi RM 2,000 bagi kesalahan pertama dianggap terlalu rendah berbanding dengan kos mengubah suai motosikal yang boleh mencecah puluhan ribu ringgit, apatah lagi berbanding dengan risiko nyawa yang dipertaruhkan. Tempoh penjara yang singkat, iaitu tidak melebihi enam bulan, juga gagal menimbulkan rasa takut dalam kalangan pelaku, malah ada yang menganggapnya sebagai 'kos biasa' dalam aktiviti mereka.

Kedadaan ini menyuburkan sikap tidak endah dalam kalangan mat rempit, yang terus mengulangi perbuatan mereka tanpa rasa takut terhadap tindakan undang-undang (Zalmizy Hussin, 2013). Ketiadaan rasa gentar terhadap hukuman mendorong pengulangan kesalahan yang sama, seterusnya menyumbang kepada peningkatan statistik kes yang berterusan.

(b) Sikap Pelaku yang Tidak Peduli akan Nilai Nyawa

Sikap acuh tak acuh dan kurang kesedaran terhadap bahaya merempit juga merupakan faktor utama yang menyebabkan aktiviti ini semakin berleluasa. Ramai dalam kalangan pelaku tidak menghiraukan risiko kecederaan atau kematian yang boleh berlaku akibat aksi berbahaya yang mereka lakukan (Bernama, 2024c). Mereka juga tidak mengambil kira kesan terhadap masyarakat, termasuk risiko kemalangan yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

Sebilangan besar mat rempit tidak serik walaupun telah mengalami kecederaan atau pernah

dikenakan tindakan undang-undang. Mereka tetap mengulangi perbuatan yang sama tanpa mengambil iktibar daripada kejadian lalu (Mohd Suhaimi Mohamad et al., 2020). Sikap degil ini berpunca daripada persepsi bahawa mereka boleh mengelak daripada dikenakan hukuman berat atau kecederaan serius.

Merempit sering dianggap sebagai satu bentuk hiburan dan kepuasan diri. Aksi berbahaya seperti *wheelie*, *superman* dan perlumbaan haram memberikan mereka perasaan seronok dan kebanggaan apabila dapat menunjukkan kemahiran menunggang motosikal kepada rakan-rakan (Muhamad Fuad et al., 2009). Kepuasan ini mendorong mereka untuk terus melakukan aktiviti berisiko tinggi tanpa memikirkan akibatnya.

Banyak mat rempit terlibat dalam aktiviti ini kerana ingin diterima dalam kumpulan tertentu. Dalam kalangan remaja, status dan pengiktirafan daripada rakan-rakan adalah sesuatu yang penting. Mereka yang menunjukkan keberanian dalam merempit sering diagungkan dan dipandang tinggi dalam kumpulan mereka, sekali gus mendorong mereka untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti ini (Mohd Roslan et al., 2017).

Sebahagian besar mat rempit menganggap aktiviti ini sebagai satu cara untuk melepaskan tekanan hidup. Faktor seperti masalah keluarga, tekanan ekonomi, dan kegagalan akademik menyebabkan mereka mencari jalan keluar dengan menyertai aktiviti lumba haram. Keseronokan sementara ini membuatkan mereka lupa seketika masalah yang dihadapi, walaupun hakikatnya tindakan mereka boleh mengundang bahaya yang lebih besar (Muhamad Fuad et al., 2009).

(c) Pengaruh Rakan Sebaya dan Budaya Mat Rempit

Rakan sebaya memainkan peranan besar dalam mempengaruhi seseorang untuk terlibat dalam aktiviti merempit. Dalam kebanyakan kes, individu yang menyertai lumba haram berbuat demikian kerana pengaruh daripada rakan yang sudah sedia terlibat dalam aktiviti ini. Mereka yang ingin diterima dalam kumpulan tertentu atau ingin membuktikan keberanian sering terdorong untuk mencuba perlumbaan haram dan aksi berbahaya di jalan raya (Rozmi Ismail, 2008).

Tambahan pula, budaya mat rempit yang semakin berkembang dalam kalangan remaja juga menyumbang kepada peningkatan kes. Budaya ini bukan sekadar melibatkan lumba haram, tetapi juga dikaitkan dengan aktiviti jenayah lain seperti kecurian motosikal, pergaduhan, dan penyalahgunaan dadah (Mohammad Hannan Mia et al., 2013). Keinginan untuk menunjukkan kehebatan dalam kumpulan serta mendapatkan pengiktirafan daripada rakan-rakan menjadi faktor utama mengapa ramai yang terlibat dalam aktiviti ini walaupun sedar akan risiko yang bakal dihadapi.

(d) Faktor Ekonomi dan Sosial

Faktor ekonomi juga menjadi pendorong kepada peningkatan kes merempit, terutama dalam kalangan remaja daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah. Ramai yang melihat aktiviti lumba haram sebagai satu peluang untuk mendapatkan wang dengan cepat, sama ada melalui pertaruhan atau aktiviti sampingan seperti pengubahan suai motosikal secara haram (Mohamad Fikrie & Nur Hafizah, 2019). Kekurangan peluang pekerjaan atau kesempitan hidup turut mendorong segelintir individu untuk terlibat dalam aktiviti ini sebagai jalan keluar daripada tekanan hidup.

Dari sudut sosial pula, penglibatan remaja dalam merempit dipengaruhi faktor keluarga, pendidikan, rakan sebaya dan media massa. Kurangnya perhatian ibu bapa, pendidikan yang lebih menekankan akademik berbanding moral, serta pengaruh media dan rakan sebaya mendorong mereka terjebak dalam perlumbaan haram (Mohamad Fikrie & Nur Hafizah, 2019). Oleh itu, penekanan terhadap pendidikan agama, penglibatan keluarga dan kawalan media perlu diberi perhatian bagi membendung gejala ini.

4. Analisis Peruntukan Undang-Undang Terhadap Aktiviti Merempit

Aktiviti merempit di Malaysia tidak diperuntukkan secara khusus dalam Kanun Keseksaan sebagai satu kesalahan jenayah yang tersendiri. Tiada definisi jelas mengenai perbuatan merempit dalam perundangan jenayah utama negara (Rozmi & Boekhtiar, 2009). Namun, sekiranya aktiviti ini mengakibatkan kematian atau kecederaan parah kepada individu lain, beberapa peruntukan dalam Kanun Keseksaan boleh digunakan untuk mensabitkan kesalahan terhadap pelaku (Shamsuddin Suhor, 2016).

(a) Perundangan Sivil di Malaysia

Menerusi kes yang melibatkan kematian akibat perbuatan merempit, peruntukan yang relevan adalah Seksyen 304 Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan membunuh tanpa niat atau *culpable homicide not amounting to murder* (Abdul Aziz Hussin, 1988). Seksyen ini memperuntukkan bahawa individu yang terbukti menyebabkan kematian melalui perbuatan merempit boleh dikenakan hukuman penjara sehingga sepuluh tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali (Muhammad Dzulhilman Roslan, 2025).

Selain itu, sekiranya perbuatan merempit menyebabkan kecederaan parah, Seksyen 326 Kanun Keseksaan boleh digunakan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua puluh tahun, denda, atau sebatan bagi kesalahan menyebabkan kecederaan parah dengan senjata atau cara berbahaya (Mohd Roslan et al., 2017). Di samping itu, Seksyen 337 dan 338 Kanun Keseksaan juga relevan dalam kes-kes yang melibatkan kecuai yang membahayakan nyawa orang lain.

Menurut Shamsuddin Suhor (2016), dari sudut elemen jenayah, sesuatu kesalahan perlu memenuhi dua unsur utama, iaitu *actus reus* (perbuatan jenayah) dan *mens rea* (niat jenayah). Dalam konteks merempit, *actus reus* merujuk kepada tindakan menunggang secara berbahaya, manakala *mens rea* berkaitan dengan niat atau kesedaran pelaku mengenai risiko yang ditimbulkan oleh perbuatannya.

Selain peruntukan dalam Kanun Keseksaan, undang-undang Malaysia juga memperuntukkan kesalahan merempit dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020). Seksyen 42(1) Akta ini menyatakan bahawa menunggang motosikal secara melulu dan berbahaya adalah satu kesalahan yang boleh dihukum dengan penjara maksimum lima tahun dan denda sehingga RM15,000. Perlumbaan haram pula dikawal oleh Seksyen 81 Akta Pengangkutan Jalan 1987, yang menetapkan hukuman denda sehingga RM2,000 dan penjara tidak lebih enam bulan bagi kesalahan pertama. Sekiranya kemalangan maut berlaku akibat merempit, Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 boleh digunakan untuk mensabitkan kesalahan memandu secara berbahaya hingga menyebabkan kematian (Amira Adila Sabri, 2023).

(b) Cabaran dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

Kerajaan Malaysia sedang memuktamadkan pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) untuk menangani isu mat rempit dengan lebih berkesan (Bernama, 2024c). Pindaan ini turut menumpukan kepada memperjelas tafsiran mengenai aksi berbahaya oleh mat rempit, termasuk perbuatan menunggang secara melulu dan menyertai perlumbaan haram di jalan raya (Bernama, 2024c).

Penegasan semula tafsiran ini penting kerana kekaburan dalam kategori aksi berbahaya sebelum ini menyukarkan proses pendakwaan. Apabila tafsiran undang-undang menjadi lebih jelas, pihak berkuasa dapat mengenakan tindakan secara lebih konsisten dan mengurangkan ruang untuk pesalah melepaskan diri atas alasan teknikal. Justeru, pindaan tersebut dirangka sebagai satu bentuk pencegahan (Bernama, 2024c), dengan meletakkan parameter yang lebih tegas bagi menentukan tingkah laku yang boleh disabitkan sebagai kesalahan.

Namun, cabaran penguatkuasaan masih ketara. Aktiviti merempit lazimnya berlaku secara spontan dan sering berubah lokasi, menjadikan pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa sukar dilaksanakan. Sifat kegiatan ini yang biasanya berlangsung pada waktu malam dan di kawasan sunyi turut menambah kerumitan, di samping penggunaan taktik komunikasi serta pergerakan yang terancang bagi mengelakkan pengesanan oleh pihak penguat kuasa.

Secara keseluruhannya, walaupun perbuatan merempit tidak secara khusus diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan Malaysia, kesalahan yang berpunca daripadanya boleh dihukum di bawah pelbagai peruntukan undang-undang sedia ada. Dari perspektif

Islam pula, sebarang perbuatan yang membahayakan nyawa adalah ditegah dan boleh dikenakan hukuman berdasarkan prinsip keadilan dan perlindungan nyawa dalam *Maqasid Shari'ah* (Mustaqim Roslan M., 2024).

5. Perspektif Hukum Islam Terhadap Aktiviti Merempit

Menurut ajaran Islam, setiap tindakan manusia diukur berdasarkan prinsip *Maqasid Shari'ah* yang bertujuan untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Aktiviti merempit yang membawa kepada bahaya diri sendiri dan orang lain bercanggah dengan prinsip-prinsip ini, khususnya dalam aspek pemeliharaan nyawa dan harta. Oleh itu, hukuman dan penguatkuasaan terhadap jenayah ini bukan sahaja selaras dengan peruntukan undang-undang sivil, tetapi juga bertepatan dengan prinsip hukum Islam yang menitikberatkan kemaslahatan umum dan pencegahan kemudaratan (Shahidra Abdul Khalil, 2022).

(a) Ketaatan kepada *Ulil Amri* dan Peraturan Lalu Lintas

Islam mengajarkan bahawa umat Islam wajib mentaati pemerintah selagi mana perintah tersebut tidak bercanggah dengan syarak. Sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. (Surah al-Nisa', 4:59)

Ayat ini menunjukkan bahawa kepatuhan terhadap pemerintah adalah sebahagian daripada ketaatan agama, kerana ia menjamin ketertiban masyarakat dan mengelakkan kekacauan.

Peraturan lalu lintas yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bertujuan untuk menjaga keselamatan masyarakat. Mengabaikan undang-undang jalan raya seperti perlumbaan haram, tidak memakai topi keledar, dan memandu secara melulu adalah bentuk ketidakpatuhan kepada pemerintah serta menyalahi prinsip Islam (Syajaratulhuda, 2022).

(b) Pembaziran Harta dan Masa (*Israf* dan *Tabdhir*)

Aktiviti merempit bukan sahaja membawa risiko keselamatan, tetapi juga melibatkan pembaziran masa dan harta dalam perkara yang tidak bermanfaat. Islam menekankan kepentingan menguruskan harta dengan bijak dan melarang pembaziran dalam apa jua bentuk. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra', ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya. (Surah al-Isra', 17:27)

Ayat ini memberikan peringatan yang jelas tentang bahaya pembaziran, kerana ia bukan sahaja merugikan individu yang melakukannya tetapi juga menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Merempit merupakan satu bentuk pembaziran yang ketara, sama ada dari segi masa, tenaga, mahupun harta benda.

Salah satu bentuk pembaziran yang sering dikaitkan dengan aktiviti merempit ialah penggunaan wang untuk mengubah suai motosikal secara haram. Ramai remaja yang terlibat dalam lumba haram sanggup berbelanja besar untuk mengubah suai motosikal mereka agar lebih laju, tanpa mengambil kira aspek keselamatan (Mohamad Fikrie & Nur Hafizah, 2019). Mereka mengeluarkan wang untuk membeli aksesori yang tidak sah di sisi undang-undang, seperti ekzos bising dan enjin berkuasa tinggi yang boleh meningkatkan risiko kemalangan. Perbelanjaan ini bukan sahaja membazir, tetapi juga boleh membawa kepada tindakan undang-undang yang lebih berat jika mereka ditangkap oleh pihak berkuasa.

Selain itu, kos akibat kemalangan yang ditanggung oleh keluarga dan masyarakat juga merupakan satu bentuk pembaziran yang besar. Kemalangan akibat merempit sering menyebabkan kecederaan parah atau kematian (Bernama, 2024b), dan ini memberi kesan kewangan kepada keluarga mangsa. Kos rawatan hospital, kehilangan pendapatan akibat kecacatan kekal, dan perbelanjaan lain yang berkaitan memberi tekanan yang besar kepada keluarga, terutama bagi mereka yang berpendapatan rendah (Mohammad Hannan Mia et al., 2013).

Seterusnya, aktiviti merempit juga menyebabkan pembaziran masa. Remaja yang menghabiskan masa mereka untuk merempit sering mengabaikan tanggungjawab akademik, pekerjaan, dan keluarga (Mohd Roslan et al., 2017). Masa yang sepatutnya digunakan untuk menimba ilmu, meningkatkan kemahiran, atau berbakti kepada masyarakat terbuang begitu sahaja dalam aktiviti yang tidak memberikan sebarang manfaat (Muhamad Fuad et al., 2009). Keadaan ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan dan akhirnya menyukarkan mereka untuk mencapai kejayaan di masa hadapan.

Di samping itu, dalam Islam, masa dianggap sebagai salah satu nikmat yang perlu dimanfaatkan sebaik mungkin. Rasulullah SAW bersabda:

نعمتان مغبون فيهما كثير من الناس الصحة والفراغ

Maksudnya: Dua nikmat yang sering dilupakan oleh manusia adalah kesihatan dan masa lapang. (al-Bukhari, Sahih Bukhari, Kitab al-Raqa'iq, Bab La 'Aysha Illa 'Ayshu al-Akhirah, No. 6412)

Hadith ini menekankan betapa pentingnya menguruskan masa dengan bijak, dan bukannya mensia-siakan waktu dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti merempit. Oleh itu, golongan muda perlu diberi kesedaran mengenai nilai masa dan kepentingan menggunakannya untuk perkara yang lebih produktif dan bermanfaat.

(c) Akhlak dan Tanggungjawab Sosial

Islam menuntut umatnya untuk menjaga akhlak dan menjauhi perbuatan yang sia-sia serta membahayakan diri sendiri dan masyarakat. Akhlak yang baik bukan sahaja mencerminkan keimanan seseorang, tetapi juga menjadi asas kepada keharmonian sosial.

Salah satu faktor utama yang mendorong individu untuk terlibat dalam aktiviti merempit ialah budaya hedonisme dan pengaruh negatif rakan sebaya (Zalmizy Hussin & Siti Rohana, 2019). Hedonisme merujuk kepada gaya hidup yang berorientasikan keseronokan tanpa mengambil kira kesan jangka panjang terhadap diri sendiri dan orang lain. Remaja yang terpengaruh dengan budaya ini sering kali mencari keseronokan secara berlebihan, termasuk melalui aktiviti yang berisiko tinggi seperti merempit. Selain itu, pengaruh rakan sebaya yang turut terlibat dalam kegiatan ini menyebabkan seseorang mudah terjerumus ke dalam kancah yang sama (Nur Hafizah Yusoff, 2020). Mereka merasakan kepuasan apabila mendapat pengiktirafan daripada rakan-rakan mereka.

Di samping itu, aktiviti merempit juga sering dikaitkan dengan pergaulan bebas yang boleh membawa kepada masalah sosial lain seperti pergaduhan, memukul dan merompak (Rozmi Ismail, 2008). Fenomena ini bukan sahaja membahayakan individu yang terlibat, tetapi juga menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah dalam masyarakat. Islam mengajar umatnya untuk menjaga kesucian diri dan menjauhi segala bentuk kemaksiatan yang boleh merosakkan akhlak serta kestabilan sosial.

(d) Merempit sebagai Jenayah dalam Islam

Menurut sistem perundangan Islam, sesuatu perbuatan diklasifikasikan sebagai jenayah jika ia memenuhi rukun syarie. Antara rukun tersebut ialah perbuatan yang dilarang oleh syarak, niat atau kesalahan yang disengajakan, serta unsur kemudaratan kepada individu atau masyarakat (Abdul Aziz Hussin, 1988). Aktiviti merempit jelas memenuhi ketiga-tiga rukun ini. Pertama, ia merupakan perbuatan yang dilarang oleh syarak kerana membahayakan nyawa dan keselamatan masyarakat. Islam menekankan pemeliharaan nyawa sebagai salah satu matlamat utama dalam *Maqasid Shari'ah*. Oleh itu, sebarang tindakan yang boleh membawa kepada kemudaratan, termasuk merempit, adalah dilarang.

Selain itu, niat atau kesalahan yang disengajakan juga menjadi asas kepada pengkategorian sesuatu perbuatan sebagai jenayah dalam Islam. Pelaku aktiviti merempit sedar akan risiko tinggi yang dihadapi, termasuk kemalangan dan kecederaan serius, namun mereka tetap melakukannya atas faktor keseronokan atau desakan sosial (Mohd Suhaimi Mohamad et al., 2020). Kesalahan yang dilakukan dengan penuh kesedaran ini menambah lagi tahap keseriusan jenayah tersebut dalam perspektif syariah.

Seterusnya, aktiviti merempit mendatangkan kemudaratan yang besar kepada individu dan masyarakat. Ia bukan sahaja membahayakan pelaku, tetapi juga mengancam keselamatan awam. Kejadian kemalangan akibat merempit sering mengorbankan nyawa pengguna jalan raya yang tidak bersalah, selain mengakibatkan kerosakan harta benda (Malinda Abdul Malik, 2025). Keadaan ini menjejaskan ketenteraman awam serta membebankan masyarakat dari segi ekonomi dan sosial. Oleh itu, perbuatan ini bukan sekadar salah secara individu, malah mempunyai impak yang luas terhadap kesejahteraan masyarakat.

Berdasarkan sifatnya, merempit boleh dikategorikan di bawah jenayah *Ta'zir*, iaitu kesalahan yang hukumannya tidak ditetapkan secara spesifik dalam al-Quran dan al-Sunnah, lalu diserahkan kepada kebijaksanaan pemerintah. Dalam kerangka *Ta'zir*, pemerintah menetapkan bentuk hukuman berdasarkan prinsip menjaga kemaslahatan awam, mencegah mudarat, serta memastikan ketenteraman masyarakat (Zulkifli Al-Bakri, 2024). Oleh itu, dalam konteks kesalahan merempit, pemerintah mempunyai ruang yang luas untuk menggubal hukuman yang dianggap paling berkesan seperti denda, penyitaan kenderaan, tahanan, khidmat masyarakat atau program pemulihan bagi memastikan perbuatan ini dapat dibendung dan dicegah daripada terus berleluasa.

Antara bentuk hukuman yang sesuai dilaksanakan termasuklah denda dan saman sebagai langkah pencegahan awal, bertujuan mendidik pelaku serta menghalang mereka daripada mengulangi kesalahan tersebut. Bagi kesalahan yang lebih berat, terutamanya jika melibatkan kecederaan atau kematian, hukuman sebatan atau penjara boleh dikenakan (Shamsuddin Suhor, 2016).

Hukuman ini bertindak sebagai bentuk pengajaran yang lebih tegas kepada pesalah serta memberi keadilan kepada mangsa. Selain itu, bagi golongan remaja yang terlibat dalam aktiviti merempit, latihan pemulihan boleh dijadikan langkah alternatif. Pemulihan ini bertujuan mengubah tingkah laku pesalah dan memberi mereka kesedaran mengenai kesan buruk perbuatan mereka terhadap diri sendiri serta masyarakat (Muhd Khairul & Athirah Azhar, 2024).

Di samping itu, prinsip *la darar wa la dirar* yang bermaksud tidak boleh memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh mendatangkan kemudaratan kepada orang lain menjadi asas kukuh dalam pengharaman aktiviti

merempit (Mustaqim Roslan M., 2024). Lebih-lebih lagi, jika aktiviti merempit menyebabkan kecederaan atau kematian, ia boleh diklasifikasikan di bawah jenayah *qisas* atau *diyat*, bergantung kepada tahap kecederaan yang ditimbulkan (Siti Aisyah Samudin, 2021). Dalam situasi ini, keluarga mangsa berhak menuntut *diyat* atau hukuman setimpal seperti yang diperuntukkan dalam hukum Islam.

Secara keseluruhannya, aktiviti merempit adalah jenayah yang serius dalam Islam kerana ia melanggar rukun syarie dan membawa kemudaratan besar kepada diri sendiri dan orang lain. Oleh itu, tindakan tegas di bawah undang-undang syariah adalah wajar bagi menangani isu ini demi menjaga ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat.

(e) Fatwa dan Pandangan Ulama Berkaitan Merempit

Pandangan ulama kontemporari turut menegaskan bahawa aktiviti merempit adalah haram kerana mendatangkan pelbagai kemudaratan. Menurut Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor, umat Islam wajib mematuhi undang-undang jalan raya kerana Islam menekankan aspek pemeliharaan nyawa sebagai keutamaan dalam *Maqasid Shari'ah*. Beliau menegaskan bahawa perbuatan merempit bukan sahaja membahayakan diri sendiri, tetapi juga orang lain serta mengganggu ketenteraman awam (Syajaratulhuda, 2022). Oleh itu, mematuhi peraturan lalu lintas bukan sekadar tanggungjawab sebagai warganegara, tetapi juga kewajipan agama yang harus dipatuhi oleh setiap Muslim.

Selain itu, Mesyuarat Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 25 April 2010 bersamaan 10 Jamadilawal 1431H telah membincangkan hukum perlakuan Mat Rempit atau lumba haram menurut pandangan Islam. Jemaah Mesyuarat telah memutuskan dan bersetuju menfatwakan hukum perlakuan Mat Rempit adalah haram kerana ia membawa pelbagai kesan negatif kepada individu dan masyarakat (Anon, 2015).

Antara sebab pengharamannya ialah perlakuan merempit yang membahayakan diri sendiri serta orang lain. Aktiviti ini menyebabkan bahaya kepada pengguna jalan raya yang tidak bersalah dan boleh membawa kepada kehilangan nyawa serta kerosakan harta benda. Selain itu, perlakuan merempit juga sering dikaitkan dengan jenayah, di mana kebanyakan mereka yang terlibat dilaporkan berada di bawah pengaruh dadah dan arak. Keadaan ini menjadikan mereka lebih mudah terjerumus ke dalam perbuatan jenayah yang diharamkan oleh Islam (Anon, 2015).

Berdasarkan prinsip-prinsip Islam, aktiviti merempit membawa lebih banyak keburukan berbanding kebaikan. Ia bukan sahaja membahayakan nyawa dan harta, tetapi juga membuka ruang kepada pelbagai bentuk jenayah lain yang boleh merosakkan masyarakat. Oleh itu, aktiviti merempit bukan sekadar melanggar undang-undang negara, tetapi juga

bertentangan dengan *Maqasid Shari'ah* serta ajaran Islam secara keseluruhannya. Justeru, umat Islam hendaklah menjauhi aktiviti ini bagi memastikan keselamatan diri dan masyarakat serta mengelakkan kemurkaan Allah s.w.t.

6. Impak Aktiviti Merempit Terhadap Pelaku dan Mangsa

Aktiviti merempit bukan sahaja memberi kesan buruk kepada pelaku tetapi turut mengancam nyawa dan keselamatan orang lain. Kes kemalangan akibat lumba haram sering mengakibatkan kecederaan serius atau kehilangan nyawa, yang memberi impak besar kepada individu, keluarga, dan masyarakat secara keseluruhan. Kesan negatif ini boleh dikategorikan kepada tiga aspek utama, iaitu impak fizikal, emosi dan psikologi, serta ekonomi dan sosial.

(a) Impak Fizikal

Kemalangan akibat merempit sering melibatkan kelajuan tinggi dan aksi berbahaya, mengakibatkan kecederaan serius atau kecacatan kekal. Menurut laporan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS, 2022), lebih daripada 30% kemalangan motosikal yang melibatkan aktiviti merempit menyebabkan kematian atau kecederaan parah seperti lumpuh, kecederaan otak, dan kehilangan anggota badan. Kesannya bukan sahaja dirasakan oleh pelaku tetapi juga pengguna jalan raya yang lain yang menjadi mangsa tanpa disangka.

Selain kecederaan, individu yang terlibat dalam kemalangan merempit juga berdepan dengan risiko kematian yang tinggi. Ketiadaan peralatan keselamatan yang lengkap serta ubah suai motosikal yang tidak mengikut spesifikasi meningkatkan kebarangkalian pelaku mengalami kecederaan parah atau maut di tempat kejadian (Leal & Watson, 2011).

(b) Impak Emosi dan Psikologi

Tragedi akibat lumba haram turut memberi kesan mendalam kepada keluarga mangsa. Kajian oleh Tsujimura-Ito (2019) menunjukkan bahawa keluarga yang kehilangan ahli akibat kemalangan merempit sering mengalami trauma, kemurungan, dan tekanan emosi yang berpanjangan. Ibu bapa yang kehilangan anak akibat aktiviti ini mengalami kesedihan mendalam, manakala mangsa yang mengalami kecederaan kekal menghadapi cabaran mental yang besar untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan baharu mereka.

Selain itu, kesan psikologi turut dialami oleh pengguna jalan raya yang menyaksikan atau terlibat dalam kemalangan akibat lumba haram. Ramai yang mengalami gangguan emosi seperti kebimbangan melampau atau fobia terhadap pemanduan di kawasan tertentu, yang boleh menjejaskan kehidupan seharian mereka (Alexander, 2021).

(c) Impak Ekonomi dan Sosial

Aktiviti merempit juga memberi impak dari sudut ekonomi, di mana kemalangan yang berlaku memberi beban kewangan yang besar kepada keluarga mangsa. Kos rawatan perubatan bagi kecederaan serius boleh mencecah antara RM50,000 hingga RM100,000. Sekiranya mangsa merupakan pencari nafkah utama keluarga, kehilangan keupayaan bekerja akan menyebabkan kesan kewangan jangka panjang dan menambah tekanan terhadap keluarga (Wong, 2011).

Selain itu, dari aspek sosial, aktiviti merempit menimbulkan ketidakselesaan dan ketakutan dalam kalangan masyarakat. Penduduk di kawasan yang sering menjadi lokasi lumba haram mengalami gangguan bunyi yang berlarutan hingga ke lewat malam, sekali gus menjejaskan kualiti hidup mereka (Shirzad et al., 2022). Seterusnya, budaya merempit yang sering dikaitkan dengan pengaruh negatif seperti penyalahgunaan dadah dan jenayah jalanan turut memberi kesan kepada keselamatan awam (Mohd Roslan et al., 2017).

Di samping itu, dalam jangka panjang, kesan negatif ini boleh membawa kepada peningkatan kos kesihatan awam, kehilangan produktiviti dalam tenaga kerja, serta peningkatan kadar jenayah dalam masyarakat. Oleh itu, usaha yang lebih berkesan perlu dilaksanakan bagi membanteras fenomena ini demi kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

7. Peranan Pihak Berkuasa dan Masyarakat dalam Membanteras Jenayah Merempit

Pihak berkuasa di Malaysia, termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), telah menggesa masyarakat agar lebih proaktif dalam membantu membanteras aktiviti lumba haram. Menurut pihak polis, penglibatan masyarakat sebagai 'mata dan telinga' kepada pihak berkuasa amat penting dalam menangani masalah ini (Bernama, 2024b). Pendekatan kolaboratif antara pihak berkuasa dan masyarakat diharapkan dapat mengurangkan kes jenayah merempit dan sekaligus meningkatkan keselamatan jalan raya di negara ini.

(a) Penguatkuasaan oleh PDRM dan JPJ

Bagi menangani gejala lumba haram yang melibatkan kumpulan mat rempit, Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang memuktamadkan pindaan terhadap Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333). Pindaan ini bertujuan untuk memperkenalkan tafsiran yang lebih jelas terhadap aksi berbahaya seperti menunggang secara melulu dan perlumbaan haram, di samping memperketatkan hukuman sebagai langkah pencegahan. Pindaan tersebut telah dibawa ke peringkat Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk pertimbangan, dengan matlamat memastikan hukuman yang dikenakan lebih berkesan dalam mengekang aktiviti tersebut (Bernama, 2024c).

Selain aspek perundangan, langkah penguatkuasaan turut dipertingkatkan melalui kerjasama antara JPJ dan PDRM dalam operasi bersepadu seperti 'Ops Samseng Jalanan' yang memberi tumpuan kepada penangkapan penunggang yang terlibat dalam lumba haram dan aksi berbahaya. MOT melalui JPJ turut bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi mengawal penjualan serta pengubahsuaian motosikal yang tidak mengikut spesifikasi (Bernama, 2024c).

Kerajaan juga sedang mengkaji untuk mengetatkan lagi undang-undang sedia ada dengan memperkenalkan hukuman lebih berat bagi kesalahan berkaitan aksi berbahaya dan lumba haram. Langkah-langkah ini mencerminkan usaha kerajaan dalam membendung jenayah merempit melalui tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan sistematik (Muhammad Yusri Muzamir, 2024).

Di samping itu, menurut Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Mohd Shuhaily Mohd Zain, terdapat keperluan untuk menambah baik prosedur dan hukuman di bawah Seksyen 81(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi membanteras kegiatan samseng jalanan (Bernama, 2023).

(b) Kempen Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat

Lee Lam Thye (2016) menegaskan bahawa aspek pendidikan harus diberi perhatian serius dalam usaha menangani jenayah. Penganjuran program kesedaran yang berterusan amat diperlukan bagi mendekati semua lapisan masyarakat serta mendidik golongan belia dan remaja agar menjauhi diri daripada gejala sosial yang boleh mendorong mereka terlibat dalam kancah jenayah pada masa hadapan (Jamilah Ahmad, Nurzali Ismail & Nur Nasliza 2017).

Selain tindakan penguatkuasaan, kempen kesedaran turut menjadi salah satu pendekatan penting dalam menangani jenayah merempit (Bernama, 2022). Kempen ini boleh dilaksanakan pihak berkuasa bersama sekolah, pertubuhan belia dan NGO dengan memanfaatkan media sosial sebagai medium utama. Fokus kempen perlu menjelaskan bahaya lumba haram terhadap nyawa, implikasi undang-undang serta kesannya kepada masyarakat, di samping menyediakan alternatif seperti aktiviti bermotor sah di litar khas.

Seterusnya, dalam usaha untuk mengurangkan kecenderungan remaja terhadap lumba haram, pendidikan agama turut memainkan peranan yang signifikan. Kajian mendapati bahawa pendekatan agama yang menekankan konsep *Maqasid Shari'ah* dapat mengurangkan penglibatan remaja dalam aktiviti lumba haram (Mustaqim Roslan M., 2024). Melalui pemahaman yang lebih mendalam mengenai nilai-nilai Islam dan kepentingan menjaga nyawa, remaja dapat membina kesedaran diri terhadap bahaya yang mereka hadapi apabila terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi seperti merempit.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengambil langkah proaktif dengan memasukkan pendidikan keselamatan jalan raya dalam kurikulum sekolah. Pendekatan ini bertujuan untuk memberikan kesedaran awal kepada pelajar tentang bahaya lumba haram, sekali gus membantu mereka membuat keputusan yang lebih bijak dalam kehidupan seharian mereka (Rozmi & Boekhtiar, 2009).

Program kaunseling dan pemulihan juga memainkan peranan penting dalam menangani masalah merempit. Kajian menunjukkan bahawa program pemulihan bagi pesalah lumba haram, termasuk sesi kaunseling serta latihan kemahiran, dapat mengurangkan kadar kesalahan berulang (Mohd Suhaimi Mohamad et al., 2020). Pendekatan ini membantu pesalah untuk berubah dengan memberikan mereka peluang kedua serta bimbingan yang sewajarnya dalam membina kehidupan yang lebih baik.

(c) Penglibatan Ibu Bapa dan Pihak Sekolah dalam Pencegahan

Selain pihak berkuasa dan institusi pendidikan, ibu bapa dan pihak sekolah memainkan peranan yang sangat penting dalam membanteras masalah lumba haram. Pemantauan aktiviti anak-anak secara berterusan oleh ibu bapa dapat mengurangkan kemungkinan mereka terjebak dalam kegiatan lumba haram (Mohammad Hannan Mia et al., 2013). Penglibatan aktif ibu bapa dalam kehidupan anak-anak, termasuk mengetahui dengan siapa mereka bergaul serta aktiviti yang mereka lakukan di luar rumah, merupakan antara langkah pencegahan yang paling berkesan.

Di samping itu, pihak sekolah juga berperanan penting dalam memperketatkan disiplin pelajar dengan sokongan daripada pelbagai pihak, termasuk guru, ibu bapa, dan pihak berkuasa yang berkaitan. Meskipun kerajaan memikul tanggungjawab utama dalam membanteras jenayah, penyertaan aktif komuniti serta sektor lain dalam masyarakat sivil turut memainkan peranan yang signifikan bagi memastikan usaha pencegahan jenayah lebih berkesan (Lee Lam Thye, 2016).

Pihak sekolah boleh bekerjasama dengan agensi keselamatan seperti PDRM dan JPJ dalam menganjurkan program kesedaran mengenai keselamatan jalan raya (Mohd Roslan et al., 2017). Sekolah juga boleh mengadakan sesi bimbingan dan kaunseling untuk mendidik pelajar mengenai akibat buruk perlumbaan haram serta memberikan alternatif yang lebih positif seperti sukan bermotor yang sah.

8. Kesimpulan

Perbincangan yang komprehensif telah menyentuh setiap aspek penting fenomena ini, mulai daripada definisi dan evolusi sejarahnya, peningkatan statistik kemalangan yang membimbangkan, analisis faktor-

faktor penyumbang yang kompleks, kerangka perundangan sedia ada, huraian perspektif Islam berasaskan *Maqasid Shari'ah*, impak holistik terhadap pelaku dan mangsa, sehingga kepada peranan pelbagai pihak dalam pencegahan. Daripada analisis menyeluruh ini, menjadi jelas bahawa merempit bukan sekadar isu jenayah trafik biasa, tetapi merupakan masalah sosial yang kompleks dan multidimensi yang memerlukan pendekatan bersepadu merangkumi penguatkuasaan undang-undang yang tegas, pencegahan melalui pendidikan, kempen kesedaran efektif, dan program pemulihan yang menyeluruh.

Walaupun begitu, setelah meneliti secara kritis keseluruhan literatur sedia ada, beberapa jurang pengetahuan yang ketara telah berjaya dikenal pasti. Pertama, wujudnya kekurangan ketara dalam cadangan kerangka hukuman *Ta'zir* yang praktikal dan boleh dilaksanakan. Meskipun banyak kajian mengakui dan menyetujui bahawa merempit layak dikategorikan sebagai jenayah *Ta'zir* namun terdapatnya kelompangan dalam kajian yang mencadangkan kerangka atau garis panduan hukuman *Ta'zir* yang spesifik, praktikal, dan sesuai dilaksanakan dalam konteks moden untuk kesalahan merempit secara khusus. Kajian sedia ada cenderung menyatakan konsep tersebut secara umum dan teoretis tanpa memberikan huraian terperinci mengenai bentuk hukuman yang paling sesuai dilaksanakan seperti jenis denda yang berpatutan, tempoh khidmat masyarakat yang efektif, atau program pemulihan mandatori yang selari dengan prinsip maqasid dan realiti semasa.

Kedua, terdapat penyelidikan yang terhad mengenai keberkesanan program pemulihan berteraskan *Maqasid Shari'ah*. Literatur sedia ada memang banyak membincangkan tentang program pemulihan dari sudut pandang sains sosial dan psikologi, namun penerokaan terhadap model pemulihan yang khusus dibina berdasarkan prinsip *Maqasid Shari'ah* seperti memelihara akal, nyawa, dan harta untuk menangani punca dasar dan sikap mental merempit masih lagi terhad dan belum dikembangkan dengan optimum. Kajian terhadap keberkesanan pendekatan kerohanian Islam sebagai terapi pemulihan utama juga masih boleh diperluas dan diperkukuhkan lagi.

Ketiga, kebanyakan kajian lepas lebih memberikan tumpuan terhadap faktor makro berbanding motivasi individu yang mendalam. Kebanyakan penyelidikan sebelum ini cenderung mengenal pasti faktor-faktor luaran seperti pengaruh rakan sebaya, tekanan ekonomi, dan latar belakang keluarga. Walaupun faktor-faktor ini penting, terdapat keperluan mendesak untuk kajian kualitatif yang lebih mendalam dan menyeluruh yang meneroka naratif peribadi, motivasi psikologi dalaman, dan proses membuat keputusan individu yang terlibat dalam aktiviti merempit untuk memahami isu ini dari perspektif dalaman yang lebih autentik.

Keempat, wujud analisis perbandingan yang terhad antara pendekatan sivil dan syariah. Walaupun sorotan ini berjaya menengahkan kedua-dua perspektif tersebut, kebanyakan kajian terdahulu hanya membincangkannya secara selari dan berasingan. Hal ini menimbulkan jurang ketara dalam kajian yang melakukan analisis perbandingan secara mendalam dan kritikal. Justeru, masih kurang usaha untuk menyelaraskan serta mengintegrasikan kedua-dua kerangka perundangan ini bagi membentuk model penguatkuasaan dan pencegahan yang lebih holistik, bersepadu, dan sinergi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan yang berfokuskan kepada analisis dokumen. Pendekatan ini dipilih kerana ia amat sesuai untuk meneliti fenomena sosial dan perundangan secara mendalam, memandangkan matlamatnya adalah untuk memahami isu jenayah merempit daripada pelbagai perspektif. Menurut Creswell (2014), kajian kualitatif membolehkan penyelidik mendalami suatu isu sosial dengan mentafsir makna yang dibina daripada teks, dokumen, dan pengalaman yang telah direkodkan. Justeru, penggunaan pendekatan ini dalam kajian adalah relevan dan berkesan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Data kajian ini diperoleh daripada dua kategori sumber utama bagi memastikan sifatnya yang komprehensif. Pertama, sumber primer merangkumi undang-undang bertulis seperti Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kanun Keseksan (Akta 574), di samping fatwa-fatwa negeri yang berkaitan dengan isu ini. Kedua, sumber sekunder pula terdiri daripada bahan-bahan ilmiah seperti buku, jurnal akademik, artikel, laporan media, tesis, serta pelbagai penulisan lain yang relevan. Gabungan kedua-dua jenis sumber ini membolehkan kajian ini merangkumi aspek normatif iaitu perundangan sivil dan hukum Islam serta aspek empirikal melalui laporan media dan kajian akademik.

Proses analisis data dalam kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan deskriptif dan analisis tematik. Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan dapatan kajian secara sistematik dan tersusun, memberikan gambaran yang jelas mengenai data yang dikumpul. Sementara itu, analisis tematik pula diaplikasikan untuk mengenal pasti pola dan tema-tema utama yang wujud daripada data sekunder. Tema-tema yang dikenal pasti termasuklah faktor-faktor penyebab jenayah merempit, peruntukan undang-undang sivil dan hukum Islam, serta impak tindakan ini terhadap pelaku, mangsa, dan masyarakat secara keseluruhan. Pendekatan analisis gabungan ini membolehkan pengkaji untuk menstrukturkan dapatan kajian dengan lebih jelas, mengaitkan maklumat dari pelbagai sumber, dan seterusnya menghasilkan kesimpulan yang bersepadu dan berasaskan bukti yang kukuh.

Namun begitu, kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama, ia bergantung sepenuhnya pada data sekunder tanpa melibatkan temu bual atau soal selidik dengan pihak berautoriti seperti JPJ atau PDRM, yang berpotensi memberikan pandangan praktikal. Kedua, kajian ini hanya memfokuskan kepada konteks Malaysia, sekali gus membataskan perbandingan dengan negara lain yang juga berhadapan isu lumba haram.

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisis kandungan deskriptif dan analisis tematik terhadap data sekunder yang diperoleh daripada sumber-sumber ilmiah, laporan rasmi, dan dokumen perundangan, kajian ini berjaya mengenal pasti beberapa tema utama yang selari dengan objektif kajian.

1. Faktor-faktor Peningkatan Kes Merempit

Analisis tematik mendedahkan bahawa peningkatan kes merempit berpunca daripada empat faktor utama. Pertama, faktor undang-undang yang menunjukkan kelemahan dari segi ketidakjelasan peruntukan khusus mengenai merempit dan hukuman yang tidak memberi kesan pencegahan (Shamsuddin Suhor, 2016; Aqilah Junaidi & Siti Aisyah Samudin, 2022). Kedua, faktor sikap individu yang didorong oleh sikap tidak peduli terhadap nyawa, keinginan untuk mencari keseronokan, dan keperluan untuk mendapatkan pengiktirafan sosial (Bernama, 2024c; Mohd Suhaimi Mohamad et al., 2020). Ketiga, pengaruh rakan sebaya dan budaya kumpulan yang kuat mempengaruhi remaja untuk terlibat dalam aktiviti ini (Rozmi Ismail, 2008). Keempat, faktor sosio-ekonomi termasuklah kekangan ekonomi, masalah keluarga, dan kurangnya peluang pekerjaan yang mendorong remaja mencari pelarian melalui aktiviti merempit (Mohamad Fikrie & Nur Hafizah, 2019).

2. Peruntukan Undang-undang Sivil dan Hukum Islam

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari perspektif perundangan sivil, aktiviti merempit boleh dikenakan tindakan di bawah beberapa akta termasuk Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2020) dan Kanun Keseksan. Namun, terdapat kelemahan dari segi ketiadaan peruntukan khusus yang mentakrifkan merempit sebagai satu kesalahan jenayah yang spesifik (Rozmi & Boekhtiar, 2009; Shamsuddin Suhor, 2016).

Dari perspektif hukum Islam, analisis kandungan mendapati bahawa merempit merupakan satu kesalahan yang melanggar prinsip *Maqasid Shari'ah* khususnya dalam pemeliharaan nyawa, akal, dan harta (Shahidra Abdul Khalil, 2022; Mustaqim Roslan M., 2024). Perbuatan ini juga dianggap sebagai pembaziran (*israf*) dan melanggar konsep ketaatan kepada pemerintah (Syajaratulhuda, 2022).

3. Impak terhadap Pelaku, Mangsa dan Masyarakat

Kajian mendapati bahawa aktiviti merempit memberikan kesan negatif yang mendalam dari tiga aspek utama. Dari aspek fizikal, ia mengakibatkan kecederaan serius, kecacatan kekal dan kematian (MIROS, 2022; Bernama, 2024b). Dari aspek psikologi, mangsa dan keluarga mengalami trauma, kemurungan dan tekanan emosi yang berpanjangan (Tsujimura-Ito, 2019; Alexander, 2021). Dari aspek ekonomi, beban kewangan yang ditanggung termasuk kos rawatan perubatan yang tinggi, kehilangan pendapatan, dan kerugian harta benda (Wong, 2011; Mohd Roslan et al., 2017).

Berdasarkan dapatan-dapatan ini, kajian seterusnya akan mencadangkan satu kerangka integratif yang menggabungkan pendekatan perundangan sivil dan hukum Islam untuk menangani isu merempit secara lebih efektif.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan serta menganalisis dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah digariskan. Analisis dilakukan dengan menilai keserasian antara undang-undang sivil dan hukum Islam, implikasi terhadap pembentukan dasar, serta kepentingannya dalam konteks pencegahan dan pemulihan. Perbincangan ini juga membuat perbandingan dengan kajian-kajian terdahulu serta mengenal pasti keterbatasan penyelidikan, sebelum merumuskan kesimpulan yang lebih menyeluruh.

1. Analisis Keserasian Undang-Undang Sivil dan Hukum Islam

Dapatan kajian menunjukkan wujudnya keserasian yang signifikan antara pendekatan undang-undang sivil dan hukum Islam dalam menangani isu merempit. Walaupun berbeza dari segi kerangka legislatif dan falsafah, kedua-dua sistem perundangan ini sependapat dalam mengklasifikasikan perbuatan merempit sebagai satu jenayah yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan nyawa.

Persamaan ini dapat dilihat melalui keselarasan antara prinsip kebajikan awam dalam sistem *common law* dengan konsep *maslahah* serta *Maqasid Shari'ah* dalam hukum Islam, yang sama-sama menekankan pemeliharaan nyawa sebagai matlamat tertinggi undang-undang (Shahidra Abdul Khalil, 2022; Mustaqim Roslan M., 2024). Penekanan bersama terhadap aspek pemeliharaan kemaslahatan awam menjadikan kedua-dua kerangka undang-undang ini saling melengkapi, bukannya bercanggah, dalam usaha membanteras gejala merempit.

2. Implikasi terhadap Pembentukan Dasar dan Undang-Undang

Analisis terhadap kelemahan peruntukan sedia ada di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 menunjukkan adanya keperluan mendesak bagi pembentukan rangka kerja perundangan yang lebih khusus dan menyeluruh. Akta sedia ada tidak membezakan dengan jelas antara 'pemanduan secara melulu' umum dengan 'merempit' sebagai satu jenayah khusus yang merangkumi elemen perlumbaan haram, demonstrasi aksi berbahaya, dan pengubahsuaian kenderaan yang menyalahi undang-undang.

Ketiadaan kerangka definisi yang jelas ini menyebabkan tiga masalah utama. Pertama, dari aspek takrifan, aktiviti kompleks seperti himpunan penunggang motosikal berskala besar sukar dikategorikan secara spesifik. Kedua, dari sudut lingkungan kuasa, wujud ruang tafsiran yang terlalu luas dalam menentukan bila sesuatu pertemuan layak diklasifikasikan sebagai aktiviti merempit. Ketiga, dari segi pembuktian, pihak pendakwaan terpaksa bergantung pada peruntukan umum yang memerlukan pembuktian unsur 'membahayakan orang lain' yang biasanya hanya dapat dibuktikan selepas berlakunya kemalangan.

Selain itu, hukuman yang dilihat kurang berkesan sebagai langkah pencegahan (Shamsuddin Suhor, 2016; Aqilah Junaidi & Siti Aisyah Samudin, 2022) telah menimbulkan ketidakkonsistenan dalam penguatkuasaan. Hukuman sedia ada di bawah Seksyen 42(1) sering dianggap tidak setimpal dengan risiko tinggi yang dibawa oleh aktiviti merempit, terutamanya apabila melibatkan kumpulan yang besar dan terancang.

Selari dengan usaha berterusan kerajaan dalam meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Bernama, 2024c), kajian ini menekankan keperluan pendekatan bersepadu yang menggabungkan tiga elemen utama. Pertama, takrifan khusus yang merangkumi semua elemen merempit perlu diperkenalkan. Kedua, skala hukuman progresif berdasarkan tahap keseriusan perlu dilaksanakan. Ketiga, peruntukan bagi tindakan pencegahan proaktif perlu disediakan.

Pendekatan bersepadu ini penting bagi memastikan kerangka undang-undang yang dibentuk bukan sahaja bersifat reaktif melalui penghukuman, tetapi juga proaktif melalui pencegahan dan pemulihan, seterusnya mampu menangani punca sebenar masalah merempit secara menyeluruh dan berkesan.

3. Kepentingan dalam Konteks Pencegahan dan Pemulihan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pemulihan berteraskan *Maqasid Shari'ah* semakin

relevan untuk diaplikasikan. Berbanding dengan pendekatan penghukuman konvensional yang berorientasikan hukuman semata-mata dan mempunyai keterbatasan dalam mematahkan kitaran jenayah, pendekatan pemulihan yang memberi penekanan kepada pembinaan akhlak dan tanggungjawab sosial (Mohd Suhaimi Mohamad et al., 2020) dilihat lebih selari dengan prinsip Islam serta berpotensi untuk mencapai keadilan yang bersifat pemulihan.

Hal ini juga bertepatan dengan prinsip *la darar wa la dirar* (tidak memudaratkan diri sendiri dan orang lain) yang menjadi teras dalam menangani jenayah merempit (Mustaqim Roslan M., 2024). Program pemulihan yang menggabungkan modul kerohanian, kaunseling, dan latihan kemahiran dapat menyasarkan punca utama masalah iaitu sikap dan persekitaran pelaku, sekali gus memenuhi maqasid pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*) dan nyawa (*hifz al-nafs*).

4. Perbandingan dengan Dapatan Kajian Terdahulu

Kajian ini menyokong dapatan Rozmi Ismail (2008) dan Mohamad Fikrie & Nur Hafizah (2019) mengenai kepentingan faktor sosio-ekonomi dan pengaruh rakan sebaya. Namun, kajian ini memperluas perbincangan tersebut dengan memberikan kerangka penyelesaian yang lebih konkrit dari sudut perundangan dan pemulihan, berbanding kajian lepas yang lebih banyak tertumpu kepada mengenal pasti faktor penyebab.

5. Keterbatasan Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan

Walaupun kajian ini berjaya mencapai objektifnya melalui identifikasi pola dan tema utama berdasarkan analisis dokumen, adalah penting untuk mengakui bahawa penyelidikan ini tidak terlepas daripada beberapa keterbatasan. Keterbatasan yang paling signifikan ialah kebergantungan sepenuhnya kepada data sekunder tanpa akses kepada data primer. Keadaan ini mungkin memberikan beberapa kekangan terhadap kedalaman analisis, khususnya dalam memahami persepsi, motivasi, dan pengalaman subjektif pelaku, mangsa, serta penguatkuasa undang-undang secara lebih menyeluruh. Ketiadaan data primer juga mungkin membataskan pemahaman mengenai nuansa dan kompleksiti situasi sebenar yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan isu merempit.

Berdasarkan keterbatasan yang dikenal pasti ini, beberapa cadangan untuk kajian masa hadapan dapat dikemukakan. Pertama, adalah wajar untuk mencadangkan penggunaan pendekatan *mixed-method* yang menggabungkan analisis dokumen dengan temu bual secara langsung bersama pihak-pihak berkepentingan utama. Pendekatan ini akan

membolehkan pengkaji mendapatkan pemahaman yang lebih holistik dan mendalam dengan menggabungkan data kuantitatif dari dokumen dengan data kualitatif dari pengalaman langsung informan seperti bekas mat rempit, anggota PDRM/JPJ, ibu bapa, dan ulama.

Selain itu, kajian lanjutan perlu meneroka secara khusus keberkesanan program pemulihan sedia ada dari sudut pandangan pesalah sendiri. Penilaian terhadap impak program-program tersebut dalam mengubah tingkah laku pesalah akan memberikan input yang berharga untuk penambahbaikan intervensi masa hadapan. Pendekatan ini akan membantu dalam memahami aspek-aspek program yang benar-benar efektif dan yang memerlukan penambahbaikan dari perspektif penerima khidmat.

Seterusnya, adalah berguna untuk melakukan kajian perbandingan dengan negara serantau yang menghadapi masalah yang sama. Kajian seumpama ini akan membolehkan pengkaji melihat pendekatan alternatif yang mungkin boleh diaplikasikan di Malaysia, sekali gus memperkaya repertoari penyelesaian untuk menangani isu merempit secara lebih efektif. Perbandingan antarabangsa ini boleh memberikan perspektif baru dan idea inovatif yang mungkin belum diterokai dalam konteks tempatan.

6. Kesimpulan Analisis

Kesimpulannya, perbincangan ini telah menunjukkan dengan jelas bahawa pendekatan integratif antara undang-undang sivil dan hukum Islam bukan sahaja wajar, malah berpotensi besar untuk memberikan penyelesaian yang lebih efektif dan mampan dalam menangani isu jenayah merempit di Malaysia. Kerangka yang dicadangkan, yang menekankan keseimbangan strategik antara aspek pencegahan (*prevention*), penghukuman (*punishment*), dan pemulihan (*rehabilitation*), didapati selari dengan kedua-dua prinsip perundangan moden dan Maqasid Shari'ah. Justeru, penerokaan dan pelaksanaan kerangka sedemikian adalah amat diperlukan bagi memastikan keselamatan awam dan kesejahteraan masyarakat dapat dipelihara secara lebih berkesan.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa fenomena merempit di Malaysia berpunca daripada faktor sosial, budaya, kelemahan penguatkuasaan, serta pengaruh media moden. Dari aspek perundangan sivil, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kanun Keseksaan telah menyediakan kerangka kawalan, namun pelaksanaannya berdepan cabaran dari segi pembuktian, definisi kesalahan, dan keberkesanan hukuman. Perspektif Islam pula menegaskan prinsip *Maqasid Shari'ah*, khususnya dalam menjaga nyawa

(*hifz al-nafs*), dan menyediakan mekanisme hukuman lebih menyeluruh melalui *ta'zir*, *qisas* dan *diyat*. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pengharmonian undang-undang sivil dan hukum Islam dapat meningkatkan keberkesanan pencegahan, melindungi hak mangsa, serta membina tanggungjawab moral pelaku. Oleh itu, pembaharuan dasar, penguatkuasaan lebih tegas, serta pendidikan sivik dan agama perlu digerakkan secara bersepadu. Penyelidikan akan datang disarankan untuk menilai keberkesanan program pencegahan berbasis komuniti dan agama bagi menghasilkan dasar yang lebih komprehensif dan sejajar dengan nilai syariah, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan prinsip hak asasi manusia yang menekankan keselamatan serta kesejahteraan masyarakat.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abdul Aziz Hussin. (1988). *Panduan Umum Undang-Undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).
- Alexander, Lisa Diane. (2021). *How Race Impacts Physical Injuries and Psychological Distress for Victims of Hate Crimes* (Publication No. 10631) [Walden Dissertations and Doctoral Studies]. <https://scholarworks.waldenu.edu/dissertations/10631>
- Amira Adila Sabri. (2023). *Kesalahan memandu mabuk dan hukumannya menurut perundangan sivil di Malaysia dan Islam* [Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Anon. (2015, Mei 9). *Banteras gejala lumba haram untuk keamanan sejagat*. USIM Today. <https://usimtoday01.wixsite.com/sakinahkusrin/single-post/2015/05/09/Banteras-gejala-lumba-haram-untuk-keamanan-sejagat>
- Anon. (2023, Julai 11). *Rempit: seorang remaja maut, lima parah dalam kemalangan babitkan 10 motosikal*. Malaysia Gazette. <https://malaysiagazette.com/2023/07/11/rempit-seorang-remaja-maut-lima-parah-dalam-kemalangan-babitkan-10-motosikal/>
- Aqilah Junaidi & Siti Aisyah Samudin. (2022). Penetapan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah di Malaysia: analisis perbandingan mengikut undang-undang dan fiqh [penalty for syariah criminal offenses in Malaysia: a comparative analysis by law and fiqh]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 324-346.
- Bernama (2022, Ogos 6). *Peer pressure among reasons for youth's involvement in illegal racing*. Bernama. <https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2108231>
- Bernama. (2023, April 19). *Tambah baik prosedur dan hukuman babit mat rempit*. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2182999>
- Bernama. (2024a, Februari 7). *6,080 kematian akibat kemalangan dicatatkan sepanjang 2023*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/6080-kematian-akibat-kemalangan-dicatatkan-sepanjang-2023-457170>
- Bernama. (2024b, Ogos 15). *Padah buat aksi wheelie, dua rakan maut*. Malaysia Gazette. <https://malaysiagazette.com/2024/08/15/padah-buat-aksi-wheelie-dua-rakan-maut/>
- Bernama. (2024c, Disember 11). *MOT pinda Akta 333 tangani isu 'mat rempit'*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mot-pinda-akta-333-tangani-isu-mat-rempit-500251>
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il. (1423H/2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Yazid al-Qazwini. (1424H/2003). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Kanun Keseksaan (Akta 574).
- Leal, N.L. & Watson, B.C. (2011). The road safety implications of illegal street racing and associated risky driving behaviours: an analysis of offences and offenders. *Accident Analysis & Prevention*, 43(4), 1547-1554.
- Lee Lam Thye. (2016, Disember 29). *Rancang strategi betul mencegah jenayah*. Utusan Online. https://apsec.upm.edu.my/article/rancang_strategi_betul_untuk_mencegah_jenayah-49743
- Malinda Abdul Malik. (2025, Januari 21). *Pelajar 17 tahun maut dipercayai ketika merempit*. <https://malaysiagazette.com/2025/01/21/pelajar-17-tahun-maut-dipercayai-ketika-merempit/>
- MIROS. (2022). *Annual Road Safety Report*. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia.
- Mohamad Fikrie Idris & Nur Hafizah Yusoff. (2019). Pertaruhan dalam lumba haram: faktor dan jenis pertaruhan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(2), 1-12.
- Mohammad Hannan Mia, Nowshad Amin, Abdul Hannan Shuib & Mohammad Abdul Mannan. (2013). Concept of mat-rempit (illegal fast driving)- a study from Malaysia. *Proceedings of The Asian Conference on Language Learning 2013*, 544-550.
- Mohd Afif Yahya. (2011). *Keterlibatan remaja dalam lumba haram di daerah Larut dan Matang, Perak: kajian daripada perspektif pembangunan insan* [Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya].
- Mohd Mursyid Arshad, Ismi Arif Ismail, Krauss, S.E., & Turiman Suandi. (2010). Fenomena mat rempit: cabaran dan peluang kepada pengisian gagasan 1Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 2, 159-188.
- Mohd Roslan Mohd Tahir, Haziah Sa'ari. & Rusnah Johare. (2017). Illegal street racers' behavior: the proposed theory. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(7), 70-82.
- Mohd Suhaimi Mohamad, Nasrudin Subhi & Daniella M. Mokhtar. (2020). Hubungan penghargaan sendiri, resiliensi, sikap asertif dan kepemimpinan dalam kalangan "mat rempit" di lembah Klang (relationships between self-esteem, resilience, assertiveness and

- leadership among “mat rempit” in Klang valley). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 206-216.
- Muhamad Fuad Abdul Karim, Rokiah Ismail & Mohamad Fauzi Sukimi. (2009). Sub-budaya mat rempit dan perubahan sosiobudaya (Malaysian sociocultural change and the mat rempit sub-culture). *Geografia*, 5(3), 26-43.
- Muhammad Afham Ramli. (2024, Mei 26). *15 mat rempit 'terciduk' di Lebuhraya Guthrie*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/666787/berita/semasa/15-mat-rempit-terciduk-di-lebuhraya-guthrie>
- Muhammad Dzulhilman Roslan. (2025, Mac 24). *Fenomena “merempit”: implikasi dan jalan penyelesaian*. <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2025/03/24/28341/>
- Muhammad Yusri Muzamir. (2024, Disember 11). *Akta 333 dipinda wujudkan tafsiran jelas istilah 'mat rempit'*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1335476/akta-333-dipinda-wujudkan-tafsiran-jelas-istilah-mat-rempit> [12]
- Muhd Khairul Najmi Mohd Nasir & Athirah Azhar. (2024). Penglibatan golongan belia dan cadangan dalam mengurangkan kegiatan mat rempit. *Trends in Undergraduate Research*, 7(1), 1-11.
- Mustaqim Roslan M. (2024). Hifz al-nafs dalam maqasid syariah: analisis teoritikal. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 7(1), 8-19.
- Nor Azizah Mokhtar. (2021, Ogos 8). *2 anggota polis maut akibat bertembung ketika kejar suspek lumba haram*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/08/848621/dua-polis-maut-kejar-suspek-lumba-haram>
- Nur Hafizah Yusoff. (2020). Lumba haram dan budaya pertarungan di Bagan Ajam, Pulau Pinang. *e-BANGI Journal*, 17(2), 25-35.
- Nurayuni Johari. (2023, September 25). *Penunggang motosikal sumbang dua pertiga statistik kemalangan maut*. Malaysia Gazette. <https://malaysiagazette.com/2023/09/25/penunggang-motosikal-sumbang-dua-pertiga-statistik-kemalangan-maut/>
- Rozmi Ismail. (2008). Mat rempit dan gejala perlumbaan haram di Malaysia ('mat rempit' and illegal motorcycle racing in Malaysia). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 22, 17-28.
- Rozmi Ismail & Boekhtiar Borhanuddin. (2009). Pendefinisian semula konsep rempit (redefining the concept of 'rempit'). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 23, 11-17.
- Rozmi Ismail & Boekhtiar Borhanuddin. (2015). Istilah 'rempit'; pengertian dan penggunaannya dalam isu lumba motorsikal haram di Malaysia. *Jurnal Psikologi Talenta*, 1(1), 69-74.
- Shahidra Abdul Khalil. (2022). Pendekatan siyāsah syar'iyah dalam menangani isu perundangan jenayah semasa di Malaysia: siyāsah syar'iyah approach in dealing with current criminal legislation issues in Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 19(2), 157-188.
- Shamsuddin Suhor. (2016). *Jenayah dan Kanun Keseksaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shirzad, W., Behsoodi, M.M., Samir, S. & Pasarlay, S. (2022). A comprehensive review of noise pollution and its impact on the urban environment. *Kardan Journal of Engineering and Technology*, 4(1), 29-41.
- Siti Aisyah Samudin. (2021). Kaedah harmonisasi dalam penetapan nilai ganti rugi berasaskan diat bagi kes kemalangan jalan raya di Malaysia: the method of harmonization in determining diyya-based compensation value for road traffic accident cases in Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 215-234.
- Syajaratulhuda Mohd Rosli. (2022, Julai 18). *Islam menuntut patuhi undang-undang, jauhi kegiatan merempit*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/21185/>
- Tsujimura-Ito, T. (2019). State of damage to and support for victims of motor vehicle accidents in Japan. *IATSS Research*, 43(2), 97-107.
- Wong. (2011). Socio-demographic and behavioural characteristics of illegal motorcycle street racers in Malaysia. *BMC Public Health* 2011, 11, 446.
- Zalmizy Hussin. (2013). Mat rempit dan tingkah laku agresif: kajian kes di Pulau Pinang, Malaysia. *Asia Pacific Journal of Youth Studies*, 9, 1-31.
- Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad. (2019). Tipologi kajian literatur (2010-2017) berkaitan isu lumba haram di Malaysia. *e-BANGI*, 16(8), 1-14.
- Zulkifli Al-Bakri. (2024, Februari 26). *sivil vs syariah? penamat bagi polemik domino effect*. Al-Mawaqif. <https://zulkifliabakri.com/sivil-vs-syariah-penamat-bagi-polemik-domino-effect/>

Journal of Contemporary **ISLAMIC LAW**

Volume: 10 Issue: 2

ISSN 2976-3916 eISSN: 0127-788X

DECEMBER 2025



Published by:
Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
www.ukm.my/jcil

eISSN 0127-788X



KANDUNGAN / CONTENTS

Hukum Memakan Hamster Menurut Pandangan Empat Mazhab <i>The Ruling on Eating Hamsters According to the Perspectives of the Four Madhhabs</i> Nur Anis Nadhira Azhar, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	1-8
Aplikasi Fatwa Kontemporari Terhadap Produk Makanan Moden <i>The Application of Contemporary Fatwas on Modern Food Products</i> Nur Aqila Mohd Zahari, Nur Ain Nabihah Nasharuddin, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh	9-19
Beli Dahulu Bayar Kemudian (BNPL) Sebagai Wahana Perbelanjaan Patuh Syariah dan Beretika: Satu Tinjauan Literatur <i>Buy Now Pay Later (BNPL) as a Shariah-Compliant and Ethical Spending Mechanism: A Literature Review</i> Nurlailatul Akma Abu Bakar, Ahmad Dahlan Salleh	20-28
الزكاة كأداة استراتيجية لتحقيق التنمية المستدامة في سلطنة عُمان: نحو تكامل اقتصادي واجتماعي مع رؤية عُمان ٢٠٤٠ <i>Zakat as a Strategic Tool for Achieving Sustainable Development in the Sultanate of Oman: Towards Economic and Social Integration with Oman Vision 2040</i> Badriya Ahmed Mahmood Al Rawahi, Nurul Ilyana Muhd Adnan & Mohammad Zaini Yahaya	29-36
Implikasi Fenomena Childfree terhadap Keseimbangan Generasi: Suatu Tinjauan dari Perspektif Islam <i>Implications of the Childfree Phenomenon on Generational Balance: A Review from an Islamic Perspective</i> Maizatul Aliya Hairunnizam, Wafaa' binti Yusof	37-46
Impak Jenayah Merempit Menurut Perundangan Sivil dan Perspektif Hukum Islam <i>The Impact of Illegal Street Racing under Civil Law and the Perspective of Islamic Jurisprudence</i> Wan Nur Adlin Sofiya Wan Muhammad Azan & Wafaa' Yusof	47-61
Tahap Pengetahuan Ibu Bapa Terhadap Kesan Trend Sharenting Kepada Kanak-kanak di Lembah Klang, Malaysia <i>Level of Parents' Knowledge on The Impact of Sharenting Trend towards Children in Lembah Klang, Malaysia</i> Abdul Muaz bin Mustaffa & Nurbazla Ismail	62-70
Microcredit Berasaskan Dana Wakaf Tunai <i>Microcredit Based on Cash Waqf Funds</i> Mohammad Zaini Yahaya, Amir Fazlim Jusoh@Yusoff, Muhammad Adib Samsudin	71-82
Harmonising Shariah Principles on Debt Recovery Practices of Islamic Banks with Regulations Related to Authorised Debt Management Agency in Malaysia Uzaimah Ibrahim, Safinar Salleh, Muhammad Zuhaili Muda & Mohammad Hafiz Mohd Zaki	83-91

Inovasi dan Variasi Produk Hibah dalam Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia

92-103

Innovations and Diversification of Hibah Instruments in Islamic Estate Planning in Malaysia

Nurul Huda Abdullah, Noor Lizza Mohamed Said & Mohd Zamro Muda

Peruntukan Undang-undang terhadap Kesalahan Persetubuhan Luar Nikah dalam Kalangan Remaja Muslim: Isu dan Cabaran

104-109

Legal Provisions on Unlawful Sexual Intercourse Among Muslim Adolescents: Issues and Challenges

Nur Aina Abdulah, Nur Al-Farhain Kamaruzaman, Mashitah Abdul Mutalib, & Nurul Ain Hazram